



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

Analisis Tatabahasa dalam Teks Ucapan Ekonomi Madani: Memperkasa Rakyat

Nurjeha Shamsul Abdul Shukor¹, Nora'Azian Haji Nahar^{1*}

*¹Kulliyah Pelancungan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam
Antarabangsa Malaysia*

**e-mel: noraazian@iium.edu.my*

ABSTRAK

Penggubalan Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32] bertujuan untuk mewajibkan penggunaan bahasa Melayu dalam semua urusan rasmi kerajaan. Oleh itu, setiap teks rasmi mestilah menggunakan tatabahasa dan ayat yang baik dan cemerlang. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kesalahan tatabahasa dan menganalisis kesalahan tatabahasa dalam teks ucapan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat. Pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kualitatif melalui kaedah analisis teks untuk mengenal pasti kesalahan tatabahasa dalam aspek morfologi dan ortografi. Teori Transformasi Generatif digunakan sebagai kerangka teoritikal dengan panduan rumus Tatabahasa Dewan oleh Nik Safiah Karim et al. (2015). Dapatan kajian menunjukkan terdapat pelbagai kesalahan tatabahasa dalam aspek morfologi dan ortografi. Kesalahan morfologi yang dijumpai adalah seperti kesalahan kata ganti nama, imbuhan kata kerja dan kata sendi nama. Bagi aspek ortografi, kesalahan tatabahasa melibatkan kesalahan ejaan kata pinjaman bahasa Inggeris, ejaan bahasa Melayu dan kesalahan penggunaan tanda baca dalam ayat. Dapatan

kajian ini diharapkan mengurangkan kesalahan tatabahasa dalam teks rasmi kerajaan yang lain dan membantu meningkatkan penguasaan tatabahasa dalam kalangan penjawat awam.

Kata kunci: urusan rasmi, tatabahasa, teks ucapan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat, morfologi, ortografi

ABSTRACT

The drafting of the National Language Act 1963/67 [Act 32] aims to mandate the use of the Malay language in all official government affairs. Therefore, every official text must use excellent and correct grammar and sentences. Hence, this study aims to identify grammatical errors and analyze these errors in the speech text "Economy MADANI: Empowering the People." The researcher employs a qualitative research design through text analysis methods to identify grammatical errors in the aspects of morphology and orthography. The Generative Transformation Theory pioneered by Noam Chomsky (1957) has been used to explain the linguistic phenomena found in the analyzed text along with the Malay grammar formulas found in "Tatabahasa Dewan" by Nik Safiah Karim et al. (2015). The findings of the study show various grammatical errors in the aspects of morphology and orthography. Morphological errors found include errors in pronouns, verb affixes and prepositions. For the orthography aspect, grammatical errors involve mistakes in the spelling of borrowed English words, Malay spelling, and punctuation errors in sentences. The findings of this study are hoped to reduce grammatical errors in other official government texts and help improve grammar proficiency among civil servants.

Keywords: *official affairs, grammar, the speech text of Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat, morphology, orthography*

PENGENALAN

Teks ucapan merupakan naskah bertulis yang dihasilkan sebagai satu daripada cara berkomunikasi dengan tujuan untuk menyampaikan informasi, arahan dan ucapan kepada khalayak ramai (Syaizura Hani & Nur Fatimah, 2022). Bagi kerajaan, teks ucapan lazimnya dihasilkan untuk dibacakan dalam sesuatu majlis mengikut protokol yang telah ditetapkan. Oleh hal yang demikian, menjadi peranan dan tanggungjawab yang penting buat penulis teks ucapan dalam menyediakan teks dengan menggunakan bahasa yang betul mengikut sistem tatabahasa agar ucapan yang disampaikan dapat difahami dengan jelas dan berkesan. Tambahan pula, menurut Datuk Abang Sallehuddin, setiap kementerian dan juga agensi kerajaan perlu menjadi contoh terbaik dalam menggunakan bahasa Melayu dalam apa-apa jua urusan rasmi kerajaan (Balkish Awang, 2021). Bukan itu sahaja, setiap penjawat awam juga mestilah berusaha untuk meningkatkan kemahiran diri dalam menguasai sepenuhnya tatabahasa bahasa Melayu agar segala urusan dapat diselesaikan dengan lebih berkesan. panduan penggunaan bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi juga telah disebarkan melalui Surat Pekeliling Am Bilangan 9 Tahun 2011. Pada tahun 2020, Jabatan Perkhidmatan Awam sekali lagi mengeluarkan “Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2020” dengan tujuan memperkasakan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi bagi perkhidmatan awam. Kedua-dua Surat Pekeliling yang dikeluarkan ini mempunyai tujuan yang sama, iaitu menggesa penjawat awam untuk menggunakan bahasa Melayu yang tepat dari sudut tatabahasa dalam urusan rasmi melibatkan maklum balas pentadbiran. Hal ini jelas menunjukkan bahawa dalam tempoh sembilan tahun selepas “Surat Pekeliling Am Bilangan 9 Tahun 2011” dikeluarkan, tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan penjawat awam belum benar-benar mantap. Kegagalan dalam menguasai tatabahasa dengan cemerlang sudah tentu akan memberi impak yang negatif kepada masyarakat dan juga kejelasan terhadap tulisan atau

lisan. Oleh itu, sebagai entiti yang memainkan peranan utama untuk menggunakan bahasa Melayu yang mematuhi tatabahasa mestilah segera dilatih agar martabat bahasa Melayu sebagai tidak terjejas.

PENYATAAN MASALAH

Kebanyakan kajian lepas yang mengenai penguasaan tatabahasa bahasa Melayu sama ada dalam kalangan murid sekolah, pelajar universiti mahu pun penjawat awam menunjukkan hasil yang lebih kurang sama, iaitu rata-rata antara mereka masih belum menguasai penggunaan tatabahasa bahasa Melayu dengan cemerlang. Hasil kajian Junaini Kasdan, Nor Suhaila dan Mohd Syamril (2015) menunjukkan penjawat awam di institusi pengajian tinggi mempunyai tahap penguasaan bahasa Melayu yang masih lagi lemah. Dapatan ini seterusnya dikukuhkan lagi apabila kebanyakan daripada mereka lemah dalam aspek morfologi, sintaksis dan juga pemilihan istilah yang sesuai. Disebabkan kelemahan mereka dalam aspek tersebut, menjadikan teks atau penulisan yang dihasilkan gagal untuk difahami dengan baik kepada pembacanya. Oleh itu, jelaslah bahawa tatabahasa mestilah dikuasai dengan cemerlang. Teks rasmi merupakan teks yang dihasilkan bagi tujuan rasmi oleh kerajaan. Penting bagi setiap teks rasmi yang ditulis dan dikeluarkan mematuhi rumus dan tatabahasa Melayu dengan baik dan cemerlang. Hal ini demikian kerana, bahasa Melayu telah ditetapkan sebagai bahasa rasmi urusan kerajaan dan bahasa ibunda masyarakat di Malaysia (Nazri Muslim, Zaharah Hassan & Abdul Latif, 2011). Oleh hal yang demikian, sudah tentu setiap daripada rakyat Malaysia perlu menguasai dan memahami rumus dan tatabahasa bahasa Melayu dengan cemerlang. Teks rasmi yang dihasilkan juga akan menjadi ikutan kepada masyarakat yang mendengarkan dan membacanya. Teks yang diterima oleh masyarakat sudah tentu akan mempengaruhi fikiran dan pemahaman mereka bukan sahaja dari segi isi, malah daripada cara penggunaan ayat, tatabahasa dan

sebagainya juga turut menjadi pendorong kepada mereka untuk mengikutinya (Syaizura Hani & Nur Fatimah, 2022). Kelemahan seseorang untuk menguasai rumus tatabahasa sesuatu bahasa pasti akan memberikan kesan terhadap ucapan atau mesej yang ingin disampaikan. Hal ini dikatakan demikian kerana, penggunaan perkataan atau tatabahasa yang salah akan menyebabkan mesej yang ingin disampaikan tidak berkesan (Jamilah Ahmad, 2022). Kejelasan dalam membaca merupakan hal pertama yang perlu dititikberatkan dalam penulisan. Kegagalan untuk memahami teks atau ayat yang ditulis sudah pasti akan menyukarkan pembaca untuk memahami isi penting yang ingin disampaikan.

TINJAUAN LITERATUR

Kajian Kesalahan Penggunaan Imbuhan Awalan dan Akhiran dalam Kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil yang dilakukan oleh Amirra Shazreena Aminul Razin dan Vijayaletchumy Subramaniam (2019). Seramai 50 orang murid tahun lima daripada telah dijadikan sampel bagi pengkaji mendapatkan data kajian hasil kajian menunjukkan murid-murid gagal menguasai penggunaan imbuhan awalan dan akhiran dengan baik. Selain itu, kajian Siti Rahayu Muhammad dan Sharil Nizam Shari (2020) dijalankan untuk menganalisis kesalahan tatabahasa dalam aspek morfologi dalam penulisan murid-murid bangsa Cina Tahun 6 di Sekolah Jenis Kebangsaan di Batu Pahat, Johor. Pengkaji telah menggunakan 15 orang murid bangsa Cina untuk menganalisis karangan mereka dengan berpandukan Teori Analisis Corder (1973). Hasil analisis teks yang dilakukan terhadap karangan menunjukkan bahawa murid-murid kerap melakukan kesalahan imbuhan awalan meN- dan akhiran ...-i. Hal ini berpunca daripada kegagalan murid untuk menguasai hukum tatabahasa dengan betul Zamimah Osman (2021) dalam kajiannya yang bertujuan untuk membincangkan bentuk kesalahan tatabahasa bahasa Melayu

yang terdapat dalam penulisan makalah jurnal berindeks Scopus. Pengkaji telah melakukan kajian terhadap 25 buah makalah bahasa Melayu yang telah diterbitkan dari 2010 sehingga 2018. Di akhir kajian, pengkaji menemukan pelbagai bentuk kesalahan yang melanggar hukum tatabahasa bahasa Melayu walaupun makalah jurnal telah disunting dan disemak terlebih dahulu. Tambahan pula, makalah dalam jurnal yang berindeks Scopus merupakan jurnal bermiah yang memberi nilai terhadap penaraan universiti.

Nurul Arisya Mohd Badli dan Nur Farakhanna Mohd Rusli (2022) telah melakukan sebuah kajian berkenaan kesalahan ejaan murid berdasarkan ujaran guru pelatih. Pengkaji melakukan analisis berlandaskan Teori Konstruktivisme. Seramai 44 orang murid dari sebuah sekolah di Jerantut, Pahang telah terlibat. Dapatan menunjukkan murid- murid melakukan kesalahan ejaan kata nama, kata kerja dan kata adjektif. Hal ini berpunca kerana, murid-murid lebih cenderung untuk mengeja sesuatu mengikut ujaran atau pertuturan guru semasa di dalam bilik darjah. Dalam kajian yang dilakukan untuk menganalisis kesalahan tatabahasa dalam teks perutusan Khas Perintah Kawalan Pergerakan menunjukkan hasil bahawa teks rasmi yang digunakan dalam urusan pentadbiran oleh kerajaan masih lagi gagal menggunakan bahasa Melayu dengan baik mengikut rumus tatabahasa bahasa Melayu (Muhammad Faizul Abd Hamidat al., 2022). Hasil menunjukkan terdapat kesalahan dalam aspek morfologi dan ortografi dalam semua teks perutusan yang dianalisis. Bagi aspek ortografi, kesalahan yang telah berjaya dikenal pasti adalah seperti kesalahan ejaan bahasa Melayu, kesalahan ejaan kata pinjaman bahasa Arab dan kesalahan penggunaan tanda baca dengan betul. Kajian juga menyatakan tahap penguasaan tatabahasa bahasa Melayu masih kurang memuaskan dalam urusan rasmi kerajaan. Abdul Hamid Moiden, Jessica Ong Hai dan Norlaila Mazura (2019) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti kesalahan morfologi dan ortografi serta menjelaskan punca-punca yang mempengaruhi kesalahan bahasa

berlaku dalam teks khutbah Jumaat yang dikaji. Dapatan kajian juga menunjukkan kesalahan dalam aspek morfologi merupakan kesalahan yang paling banyak diikuti dengan kesalahan frasa dan seterusnya kesalahan ejaan. Kajian bertajuk “Penggunaan Kata Lewah dalam Teks Khutbah” telah dijalankan oleh Khazri Osman, Ain Sofea Rozaiman dan Muna Izzah Mohd Asri (2024). Para pengkaji telah menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan melakukan analisis kandungan berkaitan kata lewah yang terdapat dalam teks khutbah Jumaat yang diambil daripada beberapa buah negeri antara tahun 2017 hingga 2023. Hasil kajian mendapati terdapat banyak kata lewah yang digunakan dalam teks khutbah yang dikaji.

METODOLOGI KAJIAN

Pemilihan metodologi dalam kajian adalah sangat penting bagi membantu pengkaji dalam memenuhi tujuan kajian yang dilaksanakan. Oleh itu, metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji akan dijelaskan dengan lebih terperinci dalam bab ini. Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpul dan menganalisis data menggunakan kaedah analisis teks, triangulasi metodologi dan kaedah kepustakaan. Menurut Faridah Nazir, Nurul Jamilah dan Nora’Azian (2021), reka bentuk kajian merupakan rancangan bagi memastikan penyelidikan yang dilaksanakan berjaya memperoleh maklumat yang jelas dan terperinci. Reka bentuk kajian kualitatif digunakan oleh pengkaji dalam melengkapkan kajian ini. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012), beliau menerangkan bahawa kajian reka bentuk kualitatif adalah kajian yang menggunakan data-data yang didapatkan daripada kaedah temu bual, dokumen dan pemerhatian. Pengkaji memilih untuk menjalankan kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpul dan menganalisis data menggunakan kaedah analisis teks, triangulasi metodologi dan kaedah kepustakaan.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN OBJEKTIF 1

Kesemua kesalahan tatabahasa yang ditemukan oleh pengkaji sepanjang kajian dilakukan telah menunjukkan bahawa kesalahan-kesalahan yang ditemukan tidak bertepatan dengan Teori Transformasi Generatif dengan huraian dan panduan yang dilakukan oleh pengkaji menggunakan rumus tatabahasa Melayu dalam buku Tatabahasa Dewan karya Nik Safiah Karim et al. (2015). Dua jadual di bawah merupakan dapatan objektif satu kajian ini.

Jadual 4.1 Kesalahan morfologi dalam teks ucapan Ekonomi MADANI:

Memperkasa Rakyat

Kesalahan Morfologi				
Bil.	Kesalahan	Pembetulan	Bentuk kesalahan	Halaman
Kesalahan Kata Ganti Nama				
1.	...keretakan struktur ekonomi yang ditambah dengan kelemahan tatakelola dan ketelanjuran elit perintah, ia menuntut kita melakukan perubahan...	...keretakan struktur ekonomi yang ditambah dengan kelemahan tatakelola dan ketelanjuran elit pemerintah, keretakan struktur ekonomi menuntut kita melakukan perubahan...	Kesalahan kata ganti nama	6
2.	Hakikatnya, apa yang...	Hakikatnya, apa-apa yang....	Kata ganti nama diri tanya	6
Kesalahan Kata Kerja – Imbuhan				
3.	Saya merujuk kepada warkah unggul...	Saya merujuk warkah unggul...	kata kerja transitif	2
4.	merbahaya	berbahaya	Imbuhan	5
5.	...memilih untuk mendamba permusuhan...	...memilih untuk mendambakan permusuhan...	Imbuhan	7

6.	Kita punyai yang meletakkan asas...	Kita mempunyai yang meletakkan asas...	Imbuhan KKT -	7
7.	memjamin	menjamin	Imbuhan	20
Kesalahan Kata Tugas				
8.	...golongan masyarakat dari dan pedagang pengusaha...	...golongan masyarakat daripada dan pedagang pengusaha...	kata sendi nama	2
9.	...bergantung pada isi perbelanjaan rumah...	...bergantung kepada isi perbelanjaan rumah...	kata sendi nama	5

Data satu merupakan kesalahan penggunaan “ia”. Berdasarkan Nik Safiah Karim et al. (2015), perkataan ‘ia’ tergolong dalam kata ganti nama diri ketiga yang merupakan kependekan daripada ‘dia’. Tambahan pula, kata ganti nama diri ‘ia’ hanya boleh digunakan untuk merujuk manusia atau hanya boleh digelarkan kepada manusia. Melihat penggunaan kata ganti nama “ia” dalam data satu, kata “ia” yang digunakan merujuk benda. Oleh itu, kata ganti nama “ia” dalam ayat tersebut adalah salah dan perlu digantikan dengan subjek yang dirujuk daripada ayat sebelumnya, iaitu “keretakan”.

Data dua dalam jadual pula merupakan kesalahan kata ganti nama diri tanya. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), apabila kata ganti nama diri tanya digunakan dalam ayat, kata ganti nama diri tanya tersebut mestilah digandakan bagi menyampaikan makna rujukan tidak tentu atau sebagai penegasan. Dalam data dua, ‘apa’ merupakan kata ganti nama diri tanya yang tidak digandakan. Hal ini terbukti salah dan perlu diberikan pembedaan. Penggunaan betul bagi kata ganti nama diri tanya “apa” ialah “apa-apa”.

Data tiga hingga lima menunjukkan kesalahan imbuhan yang terdapat dalam teks ucapan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat. Data tiga dalam jadual merupakan kesalahan bagi frasa “merujuk kepada”. Ayat dalam data tujuh sebenarnya merupakan ayat aktif. Hal ini demikian kerana, ayat tersebut

dimulakan dengan subjek terlebih dahulu. Oleh itu, kata kerja yang digunakan dalam ayat tersebut, iaitu “merujuk” merupakan kata kerja transitif yang perlu diikuti langsung dengan objek dalam ayat tersebut, iaitu “warkah”. Penggunaan kata sendi nama “kepada” dalam ayat tersebut terbukti salah kerana perkataan ‘merujuk’ telah membawa makna meneliti. Menurut buku Tatabahasa Dewan, kata sendi nama ‘kepada’ hanya boleh digunakan di hadapan kata atau frasa nama yang menyatakan sasaran seperti manusia, haiwan, unsur mujarad, pecahan, dan bagi menerangkan perubahan sesuatu keadaan. Oleh itu, pembetulan bagi data tiga ialah “Saya merujuk warkah...”

Data empat menunjukkan kesalahan penggunaan kata terbitan awalan ‘mer-’. Dalam sistem tatabahasa bahasa Melayu terkini, tiada lagi imbuhan ‘mer-’ digunakan. Namun, perkataan ‘merbahaya’ pernah wujud dan digunakan pada masa lalu tetapi sudah tidak lagi digunakan pada masa kini. Melihat kepada data empat, imbuhan yang lebih tepat digandingkan dengan kata dasar ‘bahaya’ ialah imbuhan awalan ‘ber-’. Nik Safiah Karim et al. (2015) menyatakan awalan ‘ber-’ yang dipadankan dengan kata kerja dan perkataan yang menerima imbuhan ini akan menjadi kata kerja yang bersifat tidak transitif, iaitu kata kerja yang tidak perlu menerima penyambut atau objek selepasnya. Jadi, perkataan “merbahaya” adalah salah dan perlu dibetulkan dengan digantikan menggunakan perkataan “berbahaya”.

Berdasarkan data lima, ayat yang digunakan merupakan ayat aktif kerana objek diletakkan selepas kata kerja transitif, iaitu perkataan “mendamba”. Menurut Nora’Azian Nahar (2023), kata kerja transitif aktif perlu diikuti dengan akhiran ...-i atau ...-kan mengikuti jenis objek yang hadir selepas kata kerja tersebut. Perkataan “permusuhan” merupakan objek tidak bernyawa atau perkara yang hadir selepas kata kerja “mendamba”. Oleh itu, “permusuhan” merujuk sesuatu atau perkara yang perlu menerima imbuhan akhiran ...-kan pada kata kerja sebelumnya. Maka, penulisan frasa yang betul bagi data 2 ialah

“mendambakan permusuhan”.

Kesalahan imbuhan akhiran ...-i juga telah dikenal pasti dalam teks ucapan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat. Nik Safiah Karim et al. (2015) telah menyatakan imbuhan akhiran ...-i akan membentuk kata kerja transitif dan sering digandingkan bersama-sama dengan awalan meN- atau di-. Tambahan beliau, kata kerja dengan imbuhan akhiran ...-i hanya boleh digunakan dalam dua bentuk ayat, iaitu ayat pasif dan ayat suruhan sahaja.

Data enam dalam jadual telah memperlihatkan penggunaan kata kerja dengan imbuhan akhiran ...-i dalam ayat aktif. Berdasarkan ayat yang digunakan, ayat tersebut merupakan ayat aktif kerana ayat dimulakan dengan subjek di bahagian hadapan dan terdapat terdapatnya objek selepas kata kerja transitif. Oleh itu kata kerja dengan imbuhan akhiran ...-i, iaitu “punyai” yang digunakan dalam ayat tersebut adalah salah dan perlu dibetulkan kepada “mempunyai”. Hal ini demikian kerana, kata kerja tersebut bukanlah kata kerja transitif yang digunakan dalam ayat pasif mahupun ayat suruhan, maka lebih baik jika digandingkan bersama-sama dengan imbuhan apitan meN-...-i memandangkan perkataan ‘punyai’ tergolong dalam perkataan terkecuali yang menerima imbuhan awalan mem-. Pembetulan bagi data empat ialah “kita mempunyai industri...”.

Data tujuh pula menunjukkan penggunaan imbuhan awalan ‘mem-’. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), imbuhan awalan ‘meN-’ akan berubah menjadi ‘mem-’ jika kata dasar yang diimbuhkan bermula dengan huruf b, p serta kata pinjaman yang dimulai dengan huruf f, p dan v. Oleh itu, penggunaan imbuhan yang lebih tepat dengan kata dasar ‘jamin’ ialah imbuhan awalan ‘meN’ kerana kata dasar ‘jamin’ bermula dengan huruf j. Sehubungan dengan perkara itu, “memjamin” adalah salah dan perlu digantikan dengan perkataan “menjamin”.

Menurut Nik Sariah Karim et al. (2015), kata sendi nama ‘daripada’

digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang merujuk empat fungsi penggunaannya. Fungsi pertama untuk kata sendi nama ‘daripada’ adalah untuk menyatakan asal bagi manusia, institusi, haiwan, benda dan unsur abstrak. Kedua, fungsinya adalah untuk menyatakan asal kejadian sesuatu perkara. Fungsi ketiga, digunakan untuk menyatakan pecahan atau sebahagian daripada semua. Fungsi yang terakhir pula adalah untuk menyatakan perubahan, perbandingan dan perbezaan sesuatu benda. Oleh itu, frasa “...golongan masyarakat dari pedagang dan pengusaha...” merujuk pecahan atau sebahagian daripada ekonomi diperoleh daripada pedagang, pengusaha dan lain-lain. Maka, kata sendi nama ‘dari’ yang digunakan dalam data ini perlu digantikan dengan kata sendi nama ‘daripada’ Jadi, frasa yang lebih tepat dan mematuhi tatabahasa bahasa Melayu ialah “...golongan masyarakat daripada pedagang dan pengusaha.

Data sembilan pula merupakan kesalahan kata sendi nama ‘pada’ yang terdapat dalam teks ucapan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat yang telah dikaji dan dikenal pasti kesalahan tatabahasanya dari aspek morfologi. Nik Safiah Karim et al. (2015) menerangkan bahawa kata sendi nama ‘pada’ digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang menunjukkan keterangan untuk waktu dan juga tempat serta ungkapan yang merujuk ada pada manusia atau haiwan bagi situasi yang tertentu. Berdasarkan data sembilan, frasa “...bergantung pada perbelanjaan isi rumah...”, kata sendi nama ‘pada’ digunakan di hadapan frasa “perbelanjaan isi rumah...” dan ini bukan menunjukkan keterangan waktu atau tempat dan yang bersamaan dengan fungsi penggunaannya. Jika difahami, frasa tersebut merujuk perbuatan manusia, iaitu berbelanja. Jadi, kata sendi nama ‘pada’ tidak sesuai digunakan sebelum frasa “pada perbelanjaan isi rumah...” perlu digantikan dengan kata sendi nama ‘kepada’ Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), kata sendi nama ‘kepada’ mempunyai tiga fungsinya yang tersendiri. Fungsi-fungsi kata sendi nama ‘kepada’ ialah diletakkan di hadapan kata nama atau frasa nama untuk

menyatakan sasaran yang merujuk manusia, haiwan dan unsur mujarad. Selain itu, fungsi kedua, kata sendi nama ‘kepada’ digunakan untuk menyatakan pecahan dan fungsi terakhir adalah untuk menyatakan perubahan keadaan. Disebabkan konteks ayat tersebut yang menyampaikan maksud perbelanjaan isi rumah dan perbelanjaan Kerajaan memberi pengaruh yang besar terhadap pertumbuhan ekonomi dan sektor perdagangan yang menjadi sebahagian kecil daripada ekonomi. Justeru, penggunaan kata sendi nama “pada” dalam perlu dibetulkan dan digantikan dengan kata sendi nama ‘kepada’. Oleh itu, frasa “...bergantung kepada perbelanjaan isi rumah...” merupakan frasa yang lebih tepat dan mematuhi hukum tatabahasa bahasa Melayu.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN OBJEKTIF 2

Teks ucapan yang dikaji mempunyai kesalahan ejaan bahasa Melayu yang merangkumi kesalahan ejaan kata nama, ejaan kata majmuk, kesalahan ejaan kata pinjaman. Pengkaji telah mengenal pasti terdapat banyak kesalahan ejaan yang dilakukan dalam teks ucapan yang dihasilkan. Jadual 4.9 di bawah merupakan senarai kesalahan ejaan dan tanda baca yang terdapat dalam teks ucapan.

Jadual 4.9 Jadual Kesalahan Ejaan dan Kesalahan Tanda Baca

Kesalahan Ortografi				
Bil.	Kesalahan	Pembetulan	Bentuk kesalahan	Halaman
Kesalahan Ejaan				
1.	Gubernur	Gabenor	Ejaan	2
2.	Pemasyuran	Pemasyhuran	Ejaan	3
3.	mahakaya	maha kaya	Ejaan	6
Kesalahan Ejaan Kata Majmuk				
4.	mengambilkira	mengambil kira	Ejaan Kata Majmuk	6

5.	andaikata	andai kata	Ejaan Kata Majmuk	6
Kesalahan Tanda Baca				
6.	Kerajaan	kerajaan	Tanda baca	5
7.	Hakikatnya kita telah terperangkap...	Hakikatnya , kita telah terperangkap...	Tanda baca	5
8.	maqasid Syariah	Maqasid Syariah	Tanda Baca	17

Kesalahan ejaan yang melibatkan kata pinjaman sering berlaku dalam penulisan. Hal ini juga berlaku dalam teks ucapan yang dikaji oleh pengkaji. Data satu dalam jadual di atas merupakan kesalahan ejaan kata pinjaman bahasa Inggeris yang tidak mematuhi Pedoman Umum Ejaan Bahasa Melayu (1972) bagi unsur serapan. Menurut Pedoman Umum Ejaan Bahasa Melayu (1972), kesemua kata asing yang telah diserap dan digunakan dalam bahasa Melayu, bentuk visual atau ejaannya mestilah diutamakan. Sebagai contoh, bagi perkataan pinjaman bahasa Inggeris yang mengandungi huruf ‘o’, ejaannya dalam bahasa Melayu mestilah tetap dieja menggunakan huruf ‘o’. Mengikut Pedoman Umum Ejaan Bahasa Melayu (1972) perkataan “Gubernur” adalah tidak tepat dan perlu dieja dengan betul. Ejaan betul bagi “Gubernur” ialah “Gabenor”. Hal ini demikian kerana, kebanyakan kata pinjaman bahasa Inggeris yang diserap ke dalam sistem bahasa Melayu tidak mengubah keseluruhan ejaan dan juga tidak mengubah bunyi pengucapannya kerana perlu dikekalkan sama seperti dalam bahasa sumbernya. Selain itu, data dua pula merupakan kesalahan ejaan bagi perkataan yang mengandungi digraf. Digraf atau nama lainnya konsonan bergabung merupakan kehadiran dua huruf konsonan (selain a, e, i, o, u) secara berturut-turut dan mewakili satu bunyi seperti ng, ny dan sy. Perkataan “Pemasyuran” dalam data dua dilihat tidak mematuhi Sistem Ejaan Bahasa Melayu (1972). Ejaan betul bagi perkataan “Pemasyuran” ialah “Pemasyhuran”.

Proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu dipengaruhi oleh berbagai-bagai unsur, termasuklah kehadiran morfem dalam proses binaan kata. Morfem merupakan unit terkecil dalam bahasa yang membawa makna dan berfungsi secara tatabahasa dalam membentuk kata-kata. Oleh itu, imbuhan merupakan sebahagian daripada morfem. Data tiga dalam jadual di pula ialah kesalahan ejaan perkataan perkataan “mahakaya”. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), imbuhan awalan ‘maha-’ ialah imbuhan yang diambil daripada bahasa Sanskrit dan telah diserap masuk ke dalam sistem tatabahasa bahasa Melayu. Awalan ‘maha-’ berfungsi untuk melahirkan bentuk kata adjektif dan kata dasar serta mempunyai maksud tertinggi, tahap terbesar dan teragung. Namun, Nik Safiah Karim et al. (2015) menerangkan bahawa dalam tatabahasa bahasa Melayu, ejaan bagi bentuk kata terbitan bagi awalan ‘maha-’ yang digandingkan bersama-sama dengan kata adjektif mestilah dieja secara terpisah. Hal ini sama seperti dalam data tiga di atas, perkataan kaya merupakan kata adjektif yang menerima awalan ‘maha-’ di hadapannya. Tambahan lagi, menurut Nik Safiah Karim, perkataan ‘maha-’ yang digandingkan bersama-sama dengan kata adjektif bukanlah hadir dan berfungsi sebagai imbuhan tetapi merujuk satu bentuk perkataan yang utuh. Oleh itu, ejaan yang lebih tepat dan mematuhi sistem ejaan bahasa Melayu bagi kesalahan dalam data tiga ialah “maha kaya”.

Kata Majmuk terbentuk daripada proses merangkaikan dua atau lebih kata dasar dan mempunyai maksud yang tertentu. Dalam bahasa Melayu kata majmuk dibahagikan kepada dua jenis, iaitu kata majmuk mantap dan kata majmuk tidak mantap (Nik Safiah Karim et al., 2015). kata majmuk mantap ialah rangkai kata yang membentuk sebuah perkataan utuh, walaupun perkataan tersebut terdiri daripada dua kata dasar yang mempunyai makna berbeza. Terdapat 15 kata majmuk mantap yang telah disenaraikan dalam bahasa Melayu. Kesemua 15 kata majmuk mantap ini juga perlu dieja secara rapat. 15 perkataan yang tergolong dalam kata majmuk mantap ialah

‘antarabangsa’, ‘suruhanjaya’, ‘kerjasama’, ‘bumiputera’, ‘tanggungjawab’, ‘matahari’, ‘kakitangan’, ‘pesuruhjaya’, ‘sukarela’, ‘olahraga’, ‘beritahu’, ‘tandatangan’, ‘setiausaha’, ‘jawatankuasa’ dan ‘warganegara’. kata majmuk tidak mantap pula merupakan rangkai kata yang tidak utuh dan perlu dieja secara terpisah dan berasingan. Data empat dan lima dalam jadual di atas bukanlah tergolong dalam 15 kata majmuk mantap yang perlu dieja secara rapat. Oleh itu, kedua-dua perkataan dalam data tujuh dan lapan perlu dieja secara terpisah. Ejaan yang mematuhi tatabahasa bahasa Melayu adalah seperti ‘mengambil kira’ dan ‘andai kata’. Jika dilihat pada data enam, iaitu “mengambil kira”, kata majmuk tidak mantap ini telah menerima imbuhan awalan meN-’. Maka, perkataan ini masih perlu dieja secara terpisah kecuali perkataan ini menerima imbuhan apitan (Nik Safiah Karim et. al, 2015).

Data sembilan merupakan kesalahan tanda baca yang melibatkan penggunaan huruf besar bagi kata nama am yang telah dikenal pasti dalam teks ucapan. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), kata nama am merupakan perkataan yang digunakan untuk merujuk benda atau konsep yang bersifat umum. Kata nama am juga mestilah dieja menggunakan huruf kecil. Oleh itu, ejaan bagi perkataan “Kerajaan” yang terdapat dalam data sembilan ialah “kerajaan”. Pengkaji dapat mengenal pasti kesalahan ejaan bagi kata nama “Kerajaan” dilakukan secara berulang-ulang dalam teks ucapan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat. Selain itu, data tujuh juga merupakan kesalahan tanda baca, iaitu kesalahan penggunaan huruf besar ketika menulis perkataan kata nama khas. Menurut Nik Safiah Karim e al. (2015), kata nama khas merupakan kata yang merujuk sesuatu perkara khusus dan mestilah ditulis dengan huruf besar pada awal perkataan. Kata nama khas juga dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu kata nama hidup dan kata nama khas tidak hidup. Perkataan “maqasid syariah” yang digunakan dalam ayat merupakan kata nama khas tak hidup. Oleh itu, cara penulisan yang betul bagi kesalahan dalam

data tujuh ialah “Maqasid Syariah”

Kesalahan tanda baca juga merupakan kesalahan tatabahasa yang dikenal pasti dalam teks ucapan yang dikaji. Data lapangan menunjukkan kegagalan penulis teks ucapan untuk menggunakan tanda koma selepas penanda wacana. Menurut Nik Safiah Karim et al. (2015), penanda wacana digunakan dalam ayat bagi mewujudkan kesinambungan antara ayat dengan frasa. Selain itu, jika penanda wacana hadir dan digunakan pada bahagian awal ayat, tanda baca tanda koma (,) mesti digunakan selepas penanda wacana tersebut. Data lapangan menunjukkan penggunaan penanda wacana di awal ayat, iaitu “Hakikatnya” tanpa penggunaan tanda koma (,) selepasnya. Oleh itu, bentuk penulisan yang mematuhi tatabahasa bahasa Melayu ialah “Hakikatnya, kita telah terperangkap...”.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, teks ucapan rasmi yang dikaji masih lagi mengandungi kesalahan tatabahasa dalam aspek morfologi dan ortografi. Kesalahan-kesalahan tatabahasa ini telah menunjukkan bahawa gesaan pemerintah kerajaan untuk menggunakan bahasa Melayu yang baik dan cemerlang dalam segala urusan rasmi masih belum benar-benar dilaksanakan. Kesalahan tatabahasa yang dikenal pasti juga melanggar sistem tatabahasa bahasa Melayu.

Selain itu, kesalahan tatabahasa yang telah dikenal pasti juga menunjukkan penulis teks ucapan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat ini belum sepenuhnya menguasai rumus tatabahasa bahasa Melayu. Kelemahan dalam menguasai tatabahasa ini mungkin berlaku disebabkan oleh kurangnya latihan terhadap penggunaan tatabahasa yang betul. Di samping itu, kelalaian semasa proses penyemakan dan penyuntingan teks menyebabkan teks rasmi masih lagi mengandungi kesalahan tatabahasa yang sepatutnya dielakkan sebelum teks diterbitkan dan dikongsikan kepada orang ramai.

Usaha yang lebih jitu perlu dilakukan bagi meningkatkan kemahiran dan kesedaran mengenai kepentingan menggunakan tatabahasa yang betul dalam konteks urusan rasmi. Proses penyemakan dan penyuntingan teks atau dokumen rasmi yang lebih ketat perlu diadakan dan dikawal bagi memastikan teks yang diterbitkan mampu memberikan pengaruh yang besar kepada orang ramai.

Kesimpulannya, kajian ini memberikan penekanan terhadap kesalahan tatabahasa yang terdapat dalam teks ucapan Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat dan diharapkan agar kajian ini akan mendapat perhatian institusi kerajaan melalui penjawat awam dalam memastikan bahasa Melayu digunakan dengan baik dan cemerlang dalam setiap urusan rasmi kerajaan.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Moiden., Jessica Ong Hai Liaw., & Norlaila Mazura Mohaiyidin. (2019, April, 24-25). *Kesalahan bahasa dalam teks khutbah Jumaat Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)*. [E-prosiding persidangan antarabangsa sains sosial dan kemanusiaan 2019]. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Amirra Shazreena Aminul Razin., & Vijayaletchumi Subramaniam. (2019). Kesalahan Penggunaan Imbuhan Awalan Dan Akhiran Dalam Kalangan Murid Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Berdasarkan Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). *International Journal of the Malay World Civilisation*, 7(1), 3-13.
<https://journalarticle.ukm.my/12542/1/jatma-2019-0701-01.pdf>

Balkish Awang. (2021, Julai 15). Semua Pihak Berperanan Memartabatkan Bahasa Melayu. *Bernama*. [Semua Pihak Berperanan Memartabatkan Bahasa Melayu - DBP | Astro Awani](#)

Faridah Nazir., Nurul Jamilah Rosly., & Nora'Azian Nahar. (2021). *Kaedah Penyelidikan Bahasa Melayu*. SYFE Management dan Penulis.

Jamilah Ahmad. (2022, Disember 8). Halangan Kepada Komunikasi Berkesan Dalam Organisasi. *UTMNEWSHUB*.
<https://news.utm.my/ms/2022/12/halangan-kepada-komunikasi-berkesan-dalam-organisasi/>

Junaini Kasdan., Nor Suhaila Che Pa., & Mohd Syamril Aklmar. (2015). Penguasaan Bahasa Melayu Penjawat Awam : Kajian Kes Di Universiti Teknikal Malaysia (MTUN). *Jurnal Linguistik*, 19(20), 45-61.
https://www.researchgate.net/publication/301730664_Penguasaan_Bahasa_Melayu_Penjawat_Awam_Kajian_Kes_di_Universiti_Teknikal_Malaysia_MTUN

Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif. [Kertas persidangan]. Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012.
https://www.researchgate.net/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif

Khazri Osman., Ain Sofea Rozaiman., & Muna Izzah Mohd Asri. (2024). Etika

Kajian Kata Lewah Dalam Khutbah. Seminar Komunikasi Islam (SKIS)

1.

https://www.researchgate.net/publication/377766528_ETIKA_KAJIAN_KATA_LEWAH_DLM_KHUTBAH

Muhammad Faizul Abd Hamid., Daniel Salleh Mokhtar., & Rohaidah Haron.

(2022). Analisis Kesalahan Tatabahasa Dalam Teks Perutusan Khas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Untuk Mengawal Wabak COVID-19. *PENDETA*, 13(1), 84-102.

<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.8.2022>

Nazri Muslim., Zaharah Hassan., & Abdul Latif Samian. (2011). Bahasa Melayu

Dalam Perlembagaan Persekutuan: Kedudukan Dan Peranannya Dalam Konteks Komunikasi Perpaduan. *Sari- International Journal of the Malays World and Civilisation*, 29(1), 103-120.

http://journalarticle.ukm.my/3311/1/Bahasa_Melayu_dalam_perlembagaan_Persekutuan.pdf

Nik Safiah Karim., Farid M. Onn., Hashim Haji Musa., & Abdul Hamid

Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan (Edisi Ketiga)*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nora'Azian Nahar. (2023). *Formula Tatabahasa Bahasa Melayu*. Bulan Terbit Services.

Nurul Arisya Mohd Badli., & Nur Farahkhanna Mohd Rusli (2022, Jun, 21-22).

Kesalahan Ejaan Murid Dan Hubung Kait Dengan Ujaran Guru Pelatih : Analisis Teori Konstruktivisme. [Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-7].

[KESALAHAN-EJAAN-MURID-DAN-HUBUNG-KAIT-DENGAN-UJARAN-GURU-PELATIH-ANALISIS-TEORI-KONSTRUKTIVISME.pdf \(researchgate.net\)](https://www.researchgate.net/publication/354111111)

Pedoman Umum Ejaan Bahasa Melayu (1972).

<https://eseminar.dbp.gov.my/dokumen/ejaan.pdf>.

Pejabat Perdana Menteri (PMO). (2023, Julai 27). Teks Ucapan Ekonomi MADANI: : Memperkasa Rakyat.

Siti Rahayu Muhammad., & Sharil Nizam Shari. (2020). Kesalahan Tata Bahasa Bahasa Melayu Dari Aspek Morfologi Dalam Penulisan Karangan Murid Sekolah Rendah. *International Social Science and Humanities Journal*, 3(2), 77-89. [67-Article Text-180-1-10-202005_09 - KESALAHAN TATABAHASA BAHASA MELAYU DARI ASPEK MORFOLOGI DALAM - Studocu](https://www.studocu.com/pt-br/document/universidade-federal-do-rio-de-janeiro/ingles/67-Article-Text-180-1-10-202005_09_-_KESALAHAN_TATABAHASA_BAHASA_MELAYU_DARI_ASPEK_MORFOLOGI_DALAM)

Syaizura Hani Abd Samat., & Nur Fatimah Che Ruzlan. (2022). Buku Penulisan Dan Kompilasi Teks Ucapan Majlis Rasmi.

Zamimah Osman. (2021, Jun 2-3). *Kecelaruhan Tata Bahasa Bahasa Melayu Dalam Penulisan Ilmiah Jurnal Berimpak Tinggi.* [Kertas persidangan]. Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara

Malaysia.

https://www.researchgate.net/publication/354199282_Kecelaruan_Tatabahasa_Bahasa_Melayu_dalam_Penulisan_Ilmiyah_Jurnal_Berimpak_Tinggi